3756/1
Prinsip
Perakaunan
Kertas 1
Julai

1 1/4 jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2026

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi* 40 *soalan*

2. *Jawab* **semua** *soalan*

3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan ,iaitu* **A, B, C** *dan* **D.** *Bagi setiap soalan, pilih* **satu** *jawapan sahaja.* **Hitamkan** *jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*

4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang* **tidak** *diprogramkan.*

Kertas soalan ini mengandungi **19** halaman bercetak

1 Pernyataan berikut berkaitan dengan subbidang perakaunan.

Sebuah kilang biskut merancang jumlah pengeluaran, mengawal penggunaan bahan mentah dan mengurus pekerja supaya pengeluaran berjalan lancar serta menepati tempahan pelanggan.

Apakah subbidang tersebut?

A Perakaunan kewangan

B Pengauditan

C Percukaian

D Perakaunan Pengurusan

2 Maklumat berikut diambil daripada Perniagaan Zaza Frozen Enterprise.

Pemilik telah merekodkan nilai Aset Bukan Semasa pada harga kos dalam penyediaan Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2026.

Apakah andaian perakaunan yang digunakan?

A Wang sebagai ukuran

B Tempoh perakaunan

C Usaha berterusan

D Entiti berasingan

3 Butiran berikut diperoleh daripada sebuah perniagaan.

• Insurans prabayar
• Inventori
• Akaun Belum Terima

Komponen manakah yang betul?

A Aset semasa

B Ekuiti pemilik

C Liabiliti semasa

D Aset bukan semasa

4 Apakah hasil operasi Kedai Komputer Jayamas.

A Sewa diterima

B Faedah simpanan tetap

C Jualan mesin pencetak

D Untung jualan perabot terpakai

5 Maklumat berikut diperoleh daripada sebuah perniagaan.

	RM
Aset Semasa	12 000
Aset Bukan Semasa	68 000
Ambilan	1 500
Untung bersih	3 500
Modal awal	50 000

Berapakah jumlah liabiliti?

A RM 12 000

B RM 28 000

C RM 55 000

D RM 80 000

6 Apakah fungsi invois?

A Digunakan untuk merekod pulangan barang

B Digunakan untuk merekodkan ambilan

C Digunakan untuk urus niaga kredit

D Digunakan untuk urus niaga tunai

7 Jurnal Am berikut diperoleh daripada Ahmad Enterprise.

JURNAL AM

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2026		**RM**	**RM**
Jan 1	Tunai	500	
	Bank	25 500	
	Modal		26 000
	(Merekod aset dan modal pada tarikh tersebut)		

Apakah jenis urus niaga tersebut?

A Catatan pembukaan

B Catatan penutupan

C Catatan pelarasan

D Catatan modal tambahan

8 Urus niaga berikut diambil daripada Perniagaan Elektrik Marina.

Propower Electric menghantar nota debit kepada Perniagaan Elektrik Marina.

Manakah urus niaga ini direkodkan?

A Jurnal Jualan

B Jurnal Belian

C Jurnal Pulangan Jualan

D Jurnal Pulangan Belian

9 Buku Catatan Pertama manakah yang menggunakan Sistem Panjar?

A Jurnal Am

B Jurnal Khas

C Buku Tunai

D Buku Tunai Runcit

10 Butik Aksesori Anis membeli perabot secara kredit daripada Perabot Mega.

Manakah catatan bergu yang betul?

	Debit	Kredit
A	Belian	Butik Aksesori Anis
B	Belian	Perabot Mega
C	Perabot	Perabot Mega
D	Perabot	Butik Aksesori Anis

11 Maklumat yang berikut diperoleh daripada Haqim Enterprise.

2025		**RM**
Jan 1	Baki Lejar Belian	2 100
Dis 31	Pembayaran cek Akaun Belum Bayar	1 200
	Angkutan masuk	250
	Belian kredit	250

Berapakah baki Akaun Kawalan Belum Bayar pada 31 Disember 2025?

A RM3 400

B RM3 150

C RM1 300

D RM1 050

12 Data diperoleh daripada Perniagaan Lut Sinar pada 30 Jun 2026.

	RM
Modal	20 000
Overdraf bank	1 150
Pulangan masuk	105
Jualan	23 000
Akaun Belum Terima	22 422
Belian	21 623

Berapakah angka imbangan pada 30 Jun 2026?

A RM45 195

B RM44 150

C RM44 045

D RM43 105

13 Apakah tujuan penyediaan Penyata Kedudukan Kewangan?

A Mengira untung atau rugi bersih perniagaan.

B Merekodkan urus niaga tunai perniagaan.

C Menyenaraikan hasil dan belanja perniagaan.

D Menunjukkan jumlah kecairan semasa perniagaan.

14 Berikut adalah maklumat berkaitan dengan tatacara menutup akaun.

I Komponen Hasil direkodkan ke Akaun Untung Rugi

II Komponen Belanja direkodkan ke Akaun Perdagangan

III Komponen Kos Jualan direkodkan ke Akaun Untung Rugi

IV Komponen Jualan Bersih direkodkan ke Akaun Perdagangan

Tatacara menutup akaun manakah yang benar?

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

15 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Amsyar Sdn. Bhd.

	RM
Peruntukan hutang ragu (1 Januari 2025)	752
Peruntukan hutang ragu (31 Disember 2025)	848

Butiran yang manakah akan direkodkan dalam Akaun Untung Rugi?

A Hutang ragu RM96

B Hutang ragu RM1 600

C Pengurangan peruntukan hutang ragu RM96

D Penambahan peruntukan hutang ragu RM1 600

3756/1
Prinsip
Perakaunan
Kertas 1

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2026
PRINSIP PERAKAUNAN (3756/1)

SKEMA PEMARKAHAN
KERTAS 1

No. soalan	Jawapan
1	D
2	B
3	A
4	C
5	B
6	C
7	A
8	B
9	D
10	C
11	A
12	B
13	D
14	B
15	A
16	A
17	D
18	~~B~~ C
19	C
20	D

No. soalan	Jawapan
21	A
22	A
23	D
24	C
25	C
26	B
27	C
28	B
29	A
30	B
31	C
32	D
33	B
34	C
35	D
36	C
37	D
38	A
39	B
40	D

A	9
B	11
C	10
D	10

Suka sampel ini?

Kertas Trial SPM

Prinsip Perakaunan (40+ set)

- Kertas trial SPM dari banyak negeri untuk subjek yang dipilih
- Skema jawapan / cadangan jawapan
- Set Penuh: semua 17 subjek dan jadual ulangkaji A+

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX online banking · download serta-merta